

7 ALAT-ALAT KAWALAN KUALITI (7 QC TOOLS) (Menggunakan Microsoft® Excel)

PENGENALAN

“Istilah “7 alat untuk QC” ialah sempena nama 7 alat yang digunakan oleh seorang pahlawan terkenal yang bernama Benkei. Benkei telah menggunakan semua senjatanya ini untuk memenangi semua peperangan yang dilaluinya. Daripada pengalaman saya, anda akan dapati bahawa anda boleh menyelesaikan 95% masalah di sekeliling anda jika anda menggunakan 7 alat QC secara matang.”

- ISHIKAWA KAORU,
Professor Emeritus, University of Tokyo

Penyelesaian masalah dan kesesatan mempunyai persamaan. Dalam kedua-dua keadaan ini, anda tidak tahu dimana anda berada. Dalam proses perbaikan kualiti, seseorang perlu tahu dimana ia berada, apakah masalahnya dan apakah yang menyebabkan masalah itu berlaku sebelum penyelesaiannya dapat dicari. Penyelesaian masalah perlu mengikuti satu kaedah yang berlogikal dan bersistematik. Kaedah ini menumpu kepada pencarian dan penyelesaian punca masalah. Lain-lain kaedah yang kurang bersistematik besar kemungkinan akan cuba menghapuskan gejala-gejala yang disebabkan oleh masalah itu, bukan punca masalah itu sendiri. Usaha penyelesaian masalah yang tersusun perlu menggunakan berbagai alat kawalan kualiti untuk menganalisa masalah. Alat-alat dalam 7 Alat untuk Kawalan Kualiti (7 Alat QC) ini adalah senang difahami dan merupakan alat-alat saintifik yang asas untuk segala aktiviti-aktiviti penyelesaian masalah dan kawalan kualiti

Berbeza dari kaedah tradisional pengajaran 7 Alat-Alat QC, **kursus ini mengeksploitasikan penggunaan pengisian komputer seperti Microsoft® Excel untuk mempercepatkan kerja-kerja mengira, melakar graf dan pencarian nombor dari jadual-jadual statistik.** Dengan melakukan demikian, kursus ini dapat meluaskan lebih masa dan fokus kepada topik-topik yang lebih penting seperti menafsirkan keputusan-keputusan yang terhasil dari alat-alat QC ini dan bagaimana melaksanakan pelan tindakan perbaikan mutu yang selanjutnya. Teknik pengajaran kursus ini termaksudlah simulasi komputer untuk menolong menambah dan mempercepatkan fahaman peserta terhadap penggunaan alat-alat QC dalam penyelesaian masalah kualiti.

OBJEKTIF KURSUS:

Selepas menghadiri kursus ini, peserta akan ...

- Memahami cara penggunaan alat-alat QC dan kebaikannya dalam menolong menyelesaikan masalah kualiti
- Membelajari bagaimana membina alat-alat QC (secara manual dan secara cepat melalui penggunaan perisian komputer)
- Membelajari cara yang efektif untuk menyelesaikan masalah menggunakan proses yang sistematik
- Dapat menafsirkan data dan membuat keputusan bisnes yang tepat dan betul dengan penggunaan alat-alat kualiti yang betul
- Membelajari cara penyampaian projek penambahbaikan kualiti
- Mengalami perasaan kerja berpasukan dalam menyelesaikan masalah.

KANDUNGAN KURSUS

1). Pengenalan :

- Kenapa menggunakan MS Excel sebagai alat statistik?
- MS Excel : Add-in, fungsi, carta
- Kelebihan membuat persembahan dengan carta-carta.
- Apa itu 7 Alat-Alat QC?
- Menggunakan 7 Alat QC dalam linkaran penyelesaian masalah PDCA
- Pengenalan kepada proses penyelesaian masalah secara sistematik

2). Memahami Data & Statistik

- Jenis data, variasi, sisihan dan "Central Tendency"
- Statistik Deskriptif
- Hukum Variasi
- Sebab-sebab "Common" dan "Special"

3). Kes Belajar: Membuat Keputusan Penambahbaikan Kualiti:

- Membuat keputusan penambahbaikan kualiti & bisnes.
- Penggunaan pendekatan PDCA untuk menyelesaikan masalah.
- Aktiviti-aktiviti QCC

4). Alat : Histogram

- Bila dan kenapa menggunakan Histogram?
- Membina Histogram
- Menafsir keputusan dari Histogram
- Stratifikasi dan lain-lain penafsiran

5). Alat : Carta Pareto

- Bila dan kenapa menggunakan Carta Pareto?
- Membina Carta Pareto
- Menafsir keputusan dari Carta Pareto
- Lain-lain penafsiran

6). Alat : Kertas Semak

- Bila dan kenapa menggunakan Kertas Semak ?
- Membina Kertas Semak
- Menafsir keputusan dari Kertas Semak
- Stratifikasi dan lain lain penafsiran

7). Alat : Graf

- Bila dan kenapa menggunakan Graf?
- Membina Graf
- Lain-lain penggunaan graf..

8). Alat : Carta Sebab & Akibat

- Bila dan kenapa menggunakan Carta Sebab & Akibat?
- Membina Carta Sebab & Akibat
- Teknik "Brainstorming"
- Teknik menyoal cara 5 W's dan 1H

9). Alat : Carta Sebaran

- Bila dan kenapa menggunakan Carta Sebaran?
- Membina Carta Sebaran.

- Menafsir keputusan dari Carta Sebaran
- Stratifikasi dan lain lain penafsiran

10). Alat : Carta Kawalan

- Pengenalan kepada Carta Kawalan?
- Membina satu carta kawalan yang dasar: Carta Xbar-R.
- Penafsiran keputusan dari Carta Xbar-R
- Lain-lain penafsiran

11). Latihan-latihan MS Excel:

- Kaedah cepat untuk membina kesemua 7 Alat QC menggunakan MS Excel.
- Menafsirkan keputusan hasil dari analisa data Alat-Alat QC.
- Stratifikasi dan membuat keputusan berdasarkan analisa data.

Nota Penting: Perisian komputer spreadsheet akan digunakan sepanjang kursus ini untuk mempercepatkan pembelajaran berkenaan dengan pembinaan alat-alat QC. Adalah penting para peserta fasih dengan penggunaan perisian spreadsheet seperti MS Excel. Template MS Excel yang bernilai akan diberikan. Peserta dapat menjimatkan banyak masa menggunakan template yang diberikan.

KHAS UNTUK PESERTA-PESERTA:

- Eksekutif, Engineer, Penyelia, Technician, QCC Facilitator
- Ketua Kumpulan (Project/SGA/QCC/WIT) & Ahli-ahlinya

MAKLUMAT-MAKLUMAT SELANJUTNYA:

Kursus ini akan mengambil : 2 Hari
 Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
 Tempat : Program In-house atau Kursus Awam
 Media bahasa : Bahasa Melayu

RESUME PENGAJAR :

Nelson Kok ialah seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia, yang berkecualan Sarjana dalam Pentabiran Perniagaan (MBA) dan juga Sarjana Muda Sains (B.Sc (Hons) Geophysics). Beliau mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman bekerja dengan syarikat-syarikat Multinational (seperti AT&T Consumer Products Pte Ltd, Corner Peripherals Sdn Bhd, dan Read-Rite (M) Sdn Bhd) dan juga syarikat-syarikat tempatan (seperti Globetronics Technology Berhad, Amquest Sdn Bhd dan GGN Solutions) sebelum menubuh syarikat konsultannya tersendiri (GGN Solutions). Daripada 25 tahun pengalaman itu, 18 tahun adalah dalam bidang Latihan & Pembangunan Sumber Manusia.

Beliau sekarang bekerja sebagai seorang Jurulatih Korporat & Konsultan yang bertauliah kepada banyak syarikat-syarikat latihan di Malaysia, Singapura, U.A.E dan Sudan. Beliau telah banyak menjalankan program-program latihan untuk syarikat antarabangsa maupun tempatan seperti Motorola, DELL, AMD, WD, Seagate, Infineon, Agilent, Osram, Jabil, Plexus, Siltera, SONY, Matsushita, Sumitomo, Toray, PETRONAS, ING Malaysia, Lafarge Malayan Cement Bhd, Securities Commission Malaysia, Telekom Malaysia, Malaysia Communications and Multimedia Corporation(MCMC), JKR, VADS, MTN, ZAIN, Petro-Energy E&P, White Nile Petroleum Operating Co., DAL Motors, KENANA Sugar Co., Global Edutech Management (Suzhou) Co, Open University Malaysia (OUM), dll. Beliau juga bekerja sebagai pensyarah sambilan untuk beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti Open University Malaysia (OUM), Society of Business Practitioners, UK (SBP), and International Centre for Quality, Sudan.

Dari pengalaman kerja, beliau telah dilatih di Jepun, Singapura, Malaysia, Thailand dan Sudan. Sekarang, Nelson merupakan seorang jurulatih yang bertauliah untuk pelbagai program-program latihan pengurusan, kualiti dan teknologi informasi seperti *7 Habits of Highly Effective People*, *Zenger-Miller Frontline Leadership Program*, *Performance Management System (PMS)*, *Managerial Decisions & Business Modeling*, *Managerial Statistics*, *Train-The-Trainer*, *Total Quality Management (TQM)*, *Statistical Process Control (SPC)*, *Quality Control Circles (QCC) Facilitator*, *7QC Tools*, *Problem Solving & Decision Making*, *Total Productive Management*, *MRPII*, *ERP*, *Team Building Program*, *DDI Supervisory Program* dan banyak lagi. Beliau juga berpengalaman menerajui usaha mendapat persijilan ISO 9002 & memenangi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti (QMEA) untuk syarikat-syarikat yang beliau pernah bekerja. Bidang pengkhususan Nelson ialah untuk menolong organisasi meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi IT terbaru, teknik Pengurusan yang berkesan serta alat-alat Kualiti yang sudah terbukti berhasil.